



02 APR, 2023

RUMAH CENDAWAN PINTAR PERTAMA



Metro Ahad, Malaysia

Machang

Selari dengan saranan kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan, Universiti Teknologi Mara (UTM) Cawangan Kelantan membuka lembaran baharu apabila menggunakan sistem iMistroom 2000 iaitu rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia untuk menghasilkan cendawan tiram putih di kampus Machang.

Pensyarah Teknologi Maklumat merangkap ahli kumpulan penyelidik cendawan Internet benda (IoT) Dr Syerina Azlin Md Nasir berkata, kaedah iMistroom dan IoT yang dibangunkan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran tanaman cendawan hingga dua kali ganda berbanding kaedah biasa, malah membantu mahasiswa dan komuniti setempat menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

"Rumah cendawan kontemporari yang menggabungkan sistem IoT ini dapat memberi kawalan alam sekitar yang lebih inklusif, reka bentuk dan pemilihan bahan binaan dengan kos yang efektif serta proses penye-



WAN Muhammad Syukri menunjukkan suhu bacaan kelembapan di dalam inkubator iMistroom 2000.



TANAMAN MENINGKAT DUA KALI GANDA

RUMAH CENDAWAN PINTAR PERTAMA



WAN Muhammad Syukri menunjukkan cendawan tiram putih yang terdapat di dalam inkubator iMistroom 2000.

lenggaraan yang lebih mudah. "Inkubator ini juga dapat memberi peluang kepada mahasiswa dan golongan B40 mendapat kemahiran serta tunjuk ajar daripada kami untuk memulakan perniagaan berasaskan cendawan tiram putih," katanya kepada

perberita di UTM Kampus Machang di sini, semalam. Beliau berkata, sebanyak 2,000 bongkah cendawan tiram putih boleh ditempatkan di dalam inkubator itu dengan setiap bongkah boleh menghasilkan lima hingga enam kali tuaian dan maksimum lima kilogram sehari bagi 1,000 bongkah. "Selain kita ingin menjana pendapatan mahasiswa dan komuniti setempat, perkara penting yang ingin kami terapkan ialah bagaimana cara pemindahan ilmu itu berlaku kerana

daripada ilmu yang diberikan ini ia akan melahirkan lebih ramai usahawan cendawan tiram putih yang permintaannya sangat tinggi di pasaran ketika ini," katanya. Sementara itu, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pemasaran UTM Machang yang juga perintis projek itu, Wan Muhammad Syukri Wan Norjick, 25, berkata, sistem iMistroom 2000 boleh dipantau dan dikawal dari jarak jauh kerana dilengkapi pad penyejuk bagi menjaga

suhu pada kadar yang sesuai dan lampu ultralembayung yang berfungsi untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembesaran cendawan. "Selain itu, sistem yang dipasang ini juga dapat memantau kelembapan antara 85 hingga 95 peratus dan suhu antara 23 hingga 30 darjah Celcius, sekali gus dapat meningkatkan kualiti hasil cendawan sebagaimana yang disyorkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi)," katanya.



02 APR, 2023

RUMAH CENDAWAN PINTAR PERTAMA

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Machang Selari dengan saranan kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan membuka lembaran baharu apabila menggunakan sistem iMistroom 2000 iaitu rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia untuk menghasilkan cendawan tiram putih di kampus Machang.